



Ruj. Kami : JPT.S (BPKI) 2000/09/01/017 Jld.23 (52)

Tarikh : 20 Disember 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) TAHUN 2025 DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (DP KPT)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan **membuka permohonan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Tahun 2025** di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) mulai **15 Januari sehingga 15 April 2025**.

3. Permohonan ini adalah terbuka kepada **kakitangan akademik di Universiti Awam dan Universiti Swasta (termasuk Kolej Universiti Swasta)**. Penyelidik dari Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) boleh terlibat sebagai **Penyelidik Bersama**. Permohonan adalah secara dalam talian sepenuhnya melalui *Malaysia Greater Research Network System (MyGRANTS)* yang boleh dicapai di pautan <https://mygrants.gov.my>.

4. Permohonan PRGS Tahun 2025 adalah berdasarkan kepada tujuh (7) domain penyelidikan berikut:

- (a) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- (b) Teknologi dan Kejuruteraan (TK);
- (c) Sains Tulen dan Gunaan (STG);

- (d) Sains Kesihatan dan Klinikal (SKK);
- (e) Sains Sosial (SS);
- (f) Sastera dan Sastera Ikhtisas (SSI); dan
- (g) Warisan dan Alam Sekitar (WAS).

5. **Jumlah peruntukan (siling) adalah terhad kepada RM500,000.00** bagi setiap projek dan **tempoh penyelidikan yang dibenarkan adalah satu (1) atau dua (2) tahun** bagi geran PRGS Tahun 2025. Peruntukan dan tempoh penyelidikan yang dimohon mestilah **berpadanan dengan skop projek** penyelidikan. Permohonan yang dikemukakan juga mestilah **memenuhi syarat dan peraturan** yang telah ditetapkan dalam **Garis Panduan (Pindaan Tahun 2025) dan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT** yang berkuat kuasa.

6. Setiap permohonan juga perlu menepati syarat-syarat seperti berikut:

6.1 Institusi

- (a) **Setiap Institusi mestilah telah berdaftar dalam Sistem Malaysia Research Assessment Instrument (Sistem eMyRA) sebelum mengemukakan permohonan. Setiap institusi juga hendaklah melengkapkan data dan mengemukakan dokumen pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA®) dalam Sistem eMyRA bagi Pencapaian Tahun 2023. Senarai Institusi yang telah berdaftar dan layak memohon geran penyelidikan bagi tahun 2025 adalah seperti di Lampiran A;**
- (b) Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) perlu memastikan pemohon yang telah diluluskan projek penyelidikan di bawah mana-mana Skim Geran DP KPT bagi fasa terdahulu telah mengisi dan melengkapkan Laporan Prestasi dalam Laporan Pemantauan Bilangan 2 Tahun 2024 (pelaporan sehingga Julai 2024) dan Laporan Akhir dalam Modul Pemantauan MyGRANTS. Laporan-laporan tersebut hendaklah telah disahkan oleh RMC; dan

- (c) RMC perlu **menjalankan penilaian dalaman di peringkat Institusi** bagi setiap permohonan. Sekurang-kurangnya **dua (2) orang panel penilai berpangkat Profesor Madya atau Profesor** perlu dilantik untuk menilai setiap permohonan.

6.2 Pemohon

- (a) Pemohon hendaklah **mengemaskini dan melengkapkan Profil Penyelidik** di dalam sistem MyGRANTS (merangkumi Maklumat Peribadi, Projek, Penerbitan, Harta Intelek (IP), Penyeliaan (Supervision), Pengajaran (Teaching), Perundingan (Consultation) dan Perkhidmatan Komuniti (Community Service)) **dan perlu disahkan oleh RMC sebelum mengemukakan permohonan**. Kementerian berhak menolak permohonan sekiranya maklumat tersebut tidak dikemaskini atau tidak lengkap; dan
- (b) Pemohon yang merupakan Ketua Projek **bagi PRGS yang telah diluluskan pada fasa terdahulu** akan diberikan pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah 100% selesai di dalam Modul Pemantauan Sistem MyGRANTS dan disahkan oleh RMC serta telah selesai membentangkan Laporan Akhir di peringkat JPT KPT.
- (c) Pemohon dibenarkan untuk mengemukakan permohonan sebagai Ketua Projek bagi lain-lain geran DP KPT Tahun 2025.

7. Sehubungan dengan itu, perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan adalah dimohon untuk membuat hebahan pembukaan permohonan geran penyelidikan ini kepada semua kakitangan akademik di Institusi masing-masing. Sukacita diingatkan bahawa semua permohonan yang dikemukakan mestilah berkualiti, lengkap, mematuhi tempoh masa dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. **Kementerian berhak untuk menolak mana-mana permohonan atau Institusi yang gagal untuk mematuhi syarat dan kriteria permohonan yang ditetapkan.**

8. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi Urusetia Permohonan PRGS, Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI) di talian 03-8870 6974/03-8870 6975.

9. Perhatian tuan/puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN)

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
(Pengurusan Akademik dan Penyelidikan)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
Kementerian Pendidikan Tinggi